

Hampir RM22,000 kompaun dikeluarkan KPDNHEP sepanjang operasi pemeriksaan jualan topeng muka dilakukan

Februari 6, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



KLANG, 26 Feb - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan RM21,700 kompaun sepanjang operasi pemeriksaan penjualan topeng muka, yang bermula 25 Januari lalu.

Sembilan kertas siasatan dibuka terhadap premis-premis terbabit, hasil seribu 314 pemeriksaan yang dijalankan di seluruh negara.

Jelas Timbalan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Dr Alauddin Sidal, siasatan dijalankan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, susulan 31 aduan yang diterima daripada orang awam.

Nilai rampasan topeng muka di Selangor sahaja, melebihi RM3,000.

Beliau melawat kilang Cross Protection yang mengeluarkan topeng muka, bagi memahami kapasiti dan proses pengeluarannya, ekoran aduan kekurangan produk berkenaan di pasaran.

Kilang berkenaan kini meningkatkan kapasiti pengeluaran daripada 400,000 kepada 500,000 keping topeng muka sehari.